

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 11 NASIONAL 7/1/2025 (SELASA)

Penyakit bermusim, tiada bukti boleh sebabkan pandemik global

KUALA LUMPUR

Jangkitan HMPV tidak seteruk Covid-19



Selepas lebih lima tahun kes pertama Covid-19 dilaporkan, China kini berdepan ancaman HMPV yang semakin menular.

Tiada keperluan untuk amaran awam atau panik mengenai *human metapneumovirus* (HMPV) kerana virus itu diketahui mempunyai pola pengulangan bermusim.

Ahli virologi molekul di Sekolah Perubatan dan Sains Kesihatan Jeffrey Cheah Universiti Monash Malaysia, Profesor Madya Dr B Vinod berkata, HMPV tidak mempunyai tahap jangkitan dan penyebaran tanpa gejala yang tinggi seperti mana Covid-19.

Dr Vinod berkata, walaupun China mencatatkan lonjakan penyakit pernafasan bermusim termasuk HMPV, virus sinitium pernafasan (RSV) dan influenza, tiada bukti yang menunjukkan ia boleh menyebabkan ancaman pandemik global seperti Covid-19.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai kes jangkitan HMPV serta virus pernafasan lain yang telah wujud sebelumnya dan kedatangan pelancong tidak mungkin mewujudkan patogen baharu atau yang tidak dikenali kecuali pemantauan mengenai pastinya.

"Tidak seperti SARS-CoV-2 (yang menyebabkan Covid-19) pada 2020, HMPV tidak menular seluas itu tanpa gejala dan keseriusannya secara umum boleh diuruskan dalam populasi yang sihat," katanya kepada *Bernama* dalam temu bual eksklusif baru-baru ini.

Dr Vinod berkata, kumpulan berisiko tinggi yang dikenal pasti dijangkiti HMPV termasuk bayi dan kanak-kanak ter-

utamanya di bawah usia setahun, golongan warga emas yang mungkin mempunyai sistem imun lebih lemah, serta individu lemah imunisasi seperti mereka yang menjalani rawatan kemoterapi atau menghidap penyakit kronik.

"HMPV, Covid-19 (yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2) dan influenza

ialah virus pernafasan tetapi berbeza dari segi tahap keseriusan dengan Covid-19 dan influenza (selesema) bermula dari tahap ringan hingga teruk.

"Sebaliknya, HMPV secara umumnya hanya menyebabkan penyakit pernafasan ringan hingga sederhana.

"Bagaimanapun, bagi golongan yang berisiko tinggi, ia boleh menyebabkan keadaan yang teruk seperti bronkitis atau radang paru-paru. Jangkitan HMPV lebih kerap berlaku pada penghujung musim sejuk dan musim bunga, sama seperti influenza," katanya.

Didik orang ramai

Mengulas gejala HMPV, Dr Vinod berkata, jangkitan virus ini biasanya menyerupai selesema biasa yang mungkin termasuk batuk, demam, hidung berair atau tersumbat, sakit tekak, nafas berbunyi, sesak nafas dan kadangkala ruam.

Beliau berkata, HMPV merebak terutamanya melalui sentuhan langsung dengan rembesan berjangkit seperti air liur, titisan pernafasan apabila seseorang yang dijangkiti batuk atau bersin dan/atau menyentuh permukaan yang tercemar dengan virus dan kemudian menyentuh mulut, hidung atau mata sebelum mencuci tangan.

Untuk mengurangkan risiko jangkitan HMPV, Dr Vinod menasihatkan orang ramai supaya kerap mencuci tangan dengan sabun dan air sekurang-

kurangnya 20 saat atau menggunakan pencuci tangan berasaskan alkohol serta mengelakkan daripada menyentuh mata, hidung atau mulut dengan tangan yang tidak dibasuh.

"Tutup mulut serta hidung dengan tisu atau lengan apabila batuk atau bersin, bersihkan serta nyahkuman objek dan permukaan yang sering disentuh secara berkala serta elakkan kontak rapat dengan orang lain apabila mengalami gejala pernafasan untuk mengelakkan penyebaran virus," katanya.

Sebagai langkah pencegahan tambahan, beliau mencadangkan agar pihak berkuasa kesihatan mendidik orang ramai mengenai HMPV, gejalanya, cara penyebaran, langkah pencegahan, serta memastikan kemudahan kesihatan bersedia dengan baik untuk menguruskan peningkatan kes jangkitan pernafasan, termasuk bekalan dan protokol yang mencukupi.

Sabtu lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan data Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan dan makmal hospital kementerian menunjukkan terdapat 327 sampel diuji positif HMPV tahun lepas, meningkat daripada 225 pada 2023.

Bagaimanapun, KKM berkata, jangkitan HMPV tidak wajib dilaporkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), kerana ia bukan penyakit baharu. - *Bernama*



KENALI HUMAN METAPNEUMOVIRUS (hMPV)

“Ia bukan satu penyakit baharu dan di Malaysia jangkitan hMPV tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasikan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].”

“Bagaimanapun jangkitan saluran pernafasan akan terus wujud dalam komuniti dan perlu sentiasa berwaspada.”



PENYEBARAN

Melalui kontak langsung dengan individu terjangkit atau permukaan yang tercemar, termasuk akibat batuk dan berjabat tangan

GEJALA

- Batuk kering, selesema dan sakit tekak
- Sesak nafas, keletihan dan wheezing
- Kompilasi seperti bronkitis dan pneumonia

PENCEGAHAN

Cuci tangan secara berkala

Bersihkan permukaan objek yang sering disentuh

Elak kontak rapat dengan individu yang sakit

KUMPULAN BERISIKO TINGGI

- Kanak-kanak bawah 5 tahun
- Orang tua lebih 65 tahun
- Sistem imun lemah

DIAGNOSIS DAN RAWATAN

Tiada rawatan khusus; kebanyakan kes ringan dan sembuh dengan sendirinya dalam beberapa hari

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

10,000 individu di Malaysia hidap penyakit jarang jumpa

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
 aiman.asrol@mediamania.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 10,000 orang di Malaysia menghidap penyakit jarang jumpa dan berisiko diabaikan, selain tidak mendapat perhatian sewajarnya selaku pesakit.

Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini menyenaraikan sebanyak 502 penyakit jarang jumpa dan daripada jumlah tersebut, 88 penyakit adalah berkaitan neurologi.

Sementara itu, data global mendedahkan statistik bagi pesakit jarang jumpa dianggarkan seramai satu bagi setiap 4,000 orang, dengan anggaran seramai 5,000 hingga 10,000 individu di Malaysia menghidap penyakit berkenaan.

Pakar Perunding Kanan Neurologi di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datin Dr. Norlinah Mohamed Ibrahim berkata, 30 peratus penyakit jarang jumpa itu didapati menyerang individu dewasa.

Kata beliau, 80 peratus dari penyakit tersebut juga merupakan penyakit genetik diwarisi daripada ibu atau bapa pesakit.

"Sebilangan besar pesakit lewat mendapat diagnosis yang tepat kerana kekurangan kepakaran dan kos ujian genetik yang tinggi mencecah RM3,000 hingga RM5,000.

"Selain itu, penyakit jarang jumpa ini juga memberi cabaran besar kepada pesakit dan kelu-

arga mereka disebabkan kekurangan rawatan yang sesuai," katanya dalam kenyataan.

Mengulas lanjut, Dr. Norlinah berkata, antara contoh penyakit jarang jumpa neurologi yang berlaku dalam kalangan dewasa Malaysia adalah Ataksia Spinocerebellar (SCA) dan Huntington.

Jelasnya, SCA menyebabkan masalah ketidakseimbangan yang merosot secara progresif, di mana akhirnya individu berkenaan akan hilang keupayaan untuk bergerak dan terpaksa bergantung kepada kerusi roda.

Huntington pula menyebabkan pergerakan yang tidak terkawal dan masalah neuropsikiatrik seperti kemurungan serta hilang ingatan.

"Penyakit SCA ini diwarisi secara autosomal dominan, di mana setiap anak individu yang terkesan juga mempunyai kebarangkalian tinggi untuk mewarisi penyakit tersebut," katanya.

"Pesakit termuda yang menghidap penyakit ini adalah seorang kanak-kanak berusia enam tahun.

"Penyakit Huntington pula 'merampas' keupayaan pesakit untuk menjalani kehidupan normal dan akhirnya menempuh pengasingan sosial, beban kewangan serta kemerosotan kesihatan yang menyukarkan lagi kehidupan mereka," katanya.

Malah, beliau berkata, pengesanan dan rawatan kesihatan bagi penyakit jarang jumpa di

Malaysia masih sangat terhad.

"Usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengesanan penyakit jarang jumpa telah dijalankan di UKM. Sehingga kini, seramai 400 pesakit menerima rawatan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz serta Hospital

Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM.

"Kedua-dua hospital UKM ini turut menyediakan ujian genetik khusus yang dibangunkan sendiri bagi mengesan penyakit seperti SCA dan Huntington,"

katanya.

Tambahnya, garis panduan yang jelas diperlukan bagi mewujudkan satu skim pampasan kepada pesakit penyakit jarang jumpa seperti Pusat Zakat bagi meringankan beban kewangan pesakit.

LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL LOT 2849, MUKIM MINYAK BEKU, DAERAH BATU PAHAT, JOHOR.



NOTA : PEMBELI BUMIPUTERA PERLU RUJUK KE PORTAL SUKJ PERUMAHAN (www.enumah.johor.gov.my)
 No. Fail : SUKJ.P.606/01/582 Telefon : 07-2666260 / 07-2666261



NO. PTD	LUAS TANAH (KP)	LUAS BINAAN (KP)	HARGA SEUNIT (RM)	
			BUKAN BUMIPUTERA	BUMIPUTERA (15% DISKAUN)
6343	1,750.70	3,527.25	638,000.00	542,300.00
6344	1,554.12	3,050.70	638,000.00	542,300.00
6345	1,805.99	3,050.70	638,000.00	542,300.00

Pemaju:
LANDVIEW DEVELOPER SDN. BHD. (898735-H)
 Lot 10219, TNB 189, Batu 7 1/2, Jalan Muar Tangkak,
 84400 Bukit Kangkar, Muar, Johor.
 Tel: 06-9754889, 012-6233613 Faks: 06-9751366
 E-mel: landvd201004@hotmail.com

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 31, D/NEGERI 7/1/2025 (SELASA)

Klinik Kesihatan Kuala Sungai Baru bakal miliki lif

ALOR GAJAH: Klinik Kesihatan (KK) Kuala Sungai Baru di sini bakal mempunyai sebuah lif tidak lama lagi menerusi peruntukan yang akan dimohon kepada Kementerian Kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka, Datuk Ngwe Hee Sem berkata, terdapat keperluan lif di fasiliti kesihatan itu bagi memudahkan pesakit orang kurang upaya (OKU) dan warga emas menjalani rawatan di tingkat dua.

Menurutnya, peruntukan akan dimohon kelak tidak termasuk sejumlah RM200,000 yang sudah diluluskan kerajaan tahun ini bagi kerja-kerja pembaikan kulat

di klinik berkenaan.

"Sejak 2021 klinik ini telah menerima peruntukan sebanyak RM342,380 bagi kerja-kerja pembaikan longkang, kerosakan sistem penyaman udara, pembaikan sistem pencegahan kebakaran dan kerja ubah suai farmasi.

"Selain itu, ada aduan berkaitan kerosakan lantai bangunan klinik ini, namun hasil pemeriksaan teknikal pada 30 Jun lalu mendapati tiada sebarang tanda kerosakan struktur dan klinik ini disahkan selamat untuk digunakan," katanya ketika ditemui selepas lawatan kerja di KK Kuala Sungai Baru, Klinik Desa Ayer Molek dan Klinik

Desa Kuala Linggi, semalam.

Tambah Hee Sem, tiada kerosakan teruk dikesan di Klinik Desa Ayer Molek dan Klinik Desa Kuala Linggi sehingga boleh menjejaskan operasi harian merawat pesakit setempat.

Ujarnya, setakat ini Klinik Desa Kuala Linggi telah menerima peruntukan bernilai RM3,783 bagi penggantian suis lampu, pembaikan pintu pagar dan beberapa kerosakan lain.

"Begitu juga dengan Klinik Desa Ayer Molek mendapat peruntukan sebanyak RM12,940 berkaitan penggantian lampu mentol, kerosakan bumbung, pendawaian penghawa dingin dan sebagainya," katanya.



NGWE Hee Sem melawat Klinik Desa Ayer Molek, Masjid Tanah, Melaka.
- UTUSAN/AMRAN MULUP

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

THE STAR M/S 6 NATION 7/1/2025 (SELASA)

Dengue cases down, but number of hotspots on the rise

PUTRAJAYA: The number of dengue cases for the 52nd Epidemiological Week dropped to 1,341 with one death reported, compared to 1,407 cases and two deaths the previous week.

Health director-general Datuk

Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said the total number of dengue cases last year was 122,423 with 117 deaths, compared to 123,133 cases and 100 deaths in 2023.

"At the start of 2024, the number of cases exceeded 3,000 per

week. However, since Epi Week 44, the average weekly cases have dropped significantly to between 1,200 and 1,500, and below the five-year median," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

He said 22 active hotspot localities were reported in Epi Week 52 compared to 18 the previous week.

Of the areas, 12 were in Selangor, five in Negri Sembilan, three in the Federal Territories of

Kuala Lumpur and Putrajaya, and one each in Pahang and Penang.

Dr Muhammad Radzi said the ministry expressed its deepest appreciation to all parties who have joined hands in fighting dengue fever.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LIFE & TIMES

7/1/2025 (SELASA) NST M/S 12 LIFE & TIMES

Vaping may be a gateway for people to go on to smoking.
PICTURE CREDIT: JUICY FISH — FREEPIK



Vaping's impact on adolescents

IN November, it was reported that a 14-year-old boy from a secondary school in Kangar, Perlis, was injured after falling off the roof on school grounds, allegedly after vaping.

Vaping or e-cigarette use among adolescents in Malaysia is showing a marked increase. The National Health and Morbidity Survey 2022 (Adolescent Health Survey) indicates that 14.9 per cent of adolescents in the country are vapers, a rise from 9.8 per cent in 2017.

Vaping is often touted as a "safer" alternative to smoking, but the habit, just like smoking, has an impact on health.

Consultant cardiothoracic surgeon Dr Anand Sachithanandan says when it comes to vaping, no informed observations can be made yet as the long-term effects of vaping are not yet known. There is not much publicity on the dangers of vaping either.

"Vaping itself is harmful, but not many people are talking about the risk," he says.

Consultant clinical oncologist Dr Tho Lye Mun adds that vaping does do away with the tobacco component.

In cigarettes, there are multiple chemicals that are carcinogenic, so vaping does away with tobacco smoke, he explains.

However, the chemicals used in vaping have been associated with some lung conditions. For exam-

ple, e-cigarettes and vaping products have been associated with EVALI (e-cigarette or vaping use-associated lung injury).

There are even Malaysian guidelines on how to manage e-cigarette-associated lung injury, so it's a recognised condition, says Dr Tho.

"And probably because vaping is new, there may be subsequent other associated health consequences which we may not know about, but will eventually rear their heads through long-term inflammation of the lungs."

The other thing in e-cigarettes is nicotine — a highly addictive substance. Any form of chemical addiction is not encouraged, adds Dr Tho.



A lot of e-cigarette advertising is targeted at the young, says consultant clinical oncologist Dr Tho Lye Mun. PICTURE COURTESY OF LUNG CANCER NETWORK MALAYSIA

More importantly, vaping may also be a gateway for people to go on to smoking, because the "hit" of nicotine from e-cigarettes is the same as cigarettes.

Nicotine is the link here, explains Dr Tho, because the chemical that makes you addicted to vaping is nicotine and that is also the chemical that's common between e-cigarettes and smoking.

"So, if you vape and get high, or sort of satisfy your cravings, you will get the same satisfaction from smoking."

Dr Anand adds that teenagers and adolescents are also vaping as e-cigarettes are seen as trendy, with all the different flavours and some vaping devices don't even look like cigarettes.

But he agrees with Dr Tho that there are ingredients like nicotine which are extremely addictive.

A lot of e-cigarette advertising is targeted at the young, adds Dr Tho.

And there are some chemicals within the vape, for example, solvent-derived hydrocarbons and silicon conjugated compounds which are potentially toxic to the lungs.

But does vaping at a younger age have greater health implications, much like smoking?

Dr Tho says in general, if you get an amount of damage to your lungs at a younger age, it's going to carry with you for the rest of your life. And it will probably compound loss of lung function at a later age.

"If you injure your knee when you're 15, that's going to spoil your chances and ability to become a top athlete when you're 25," he says.

Similarly, if you have some kind of injury to your lung, which may happen from these inhaled substances, it may limit your health and fitness, your cardiovascular fitness, your ability to achieve top-level sporting endeavours, or endurance endeavours later on in life.



Consultant cardiothoracic surgeon Dr Anand Sachithanandan says vaping itself is harmful, but not many people are talking about the risk. PICTURE COURTESY OF LUNG CANCER NETWORK MALAYSIA

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : RENCANA

Rencana

Selasa, 7 Januari 2025 **BH**

BERITA HARIAN MIS 12 RENCANA 7/1/2025 (SELASA)

Gubal sistem insurans kesihatan adil demi kesejahteraan rakyat

Malaysia perlu melihat bagaimana negara seperti Korea Selatan dan Jerman mengurus sistem insurans kesihatan berkesan dan inklusif bagi melindungi kesejahteraan rakyat tanpa menggugat perbelanjaan kerajaan

Bagi memastikan masa depan lebih adil dan mampan, Malaysia perlu mengambil langkah berani bukan sekadar memperbaiki, tetapi merombak sepenuhnya pendekatan sedia ada



Penyelidik dan Perunding Kewangan Islam

Olee Dr. Shahrul Azman Abd Razak
bhrencana@bh.com.my

Tidak dapat dinafikan, kos penjagaan kesihatan di Malaysia semakin meningkat, dengan peruntukan sektor kesihatan dijangka mencapai RM41.2 bilion tahun ini.

Walaupun peningkatan ini bertujuan memperbaiki sistem kesihatan, namun belum mencukupi untuk menangani cabaran seperti populasi semakin menua dan kos rawatan terus meningkat.

Persoalan kritikal yang timbul ialah, apakah model insurans kesihatan mampu memastikan akses adil dan mampan kepada penjagaan kesihatan tanpa membebankan rakyat atau kewangan kerajaan?

Mungkin, Malaysia perlu melihat bagaimana negara lain mengurus sistem insurans kesihatan berkesan dan inklusif bagi melindungi kesejahteraan rakyat tanpa menggugat perbelanjaan kerajaan.

Negara seperti Jerman dan Korea Selatan antara yang berjaya mengatasi masalah ketidaksamaan akses dan pengurusan kos dalam sistem kesihatan mereka. Sistem insurans kesihatan Korea Selatan antara contoh terbaik sebuah negara boleh mencipta sistem insurans kesihatan dengan berjaya.

Pada asalnya, insurans kesihatan di Korea Selatan diwajibkan hanya kepada pekerja di syarikat besar, tetapi pada 1989, semua warga negara diwajibkan menyertai sistem ini.

Sistem insurans kesihatan disatukan ini meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan negara serta mengurangkan ketidaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan kesihatan.

Dalam sistem ini, pesakit diminta menanggung sebahagian kecil daripada kos rawatan melalui konsep co-payment, sementara selebihnya ditanggung insurans kesihatan negara.

Salah satu ciri utama sistem insurans kesihatan di Korea Selatan adalah subsidi diberikan kepada golongan miskin untuk memastikan mereka tidak terbeban dengan kos rawatan asas.

Korea Selatan juga memberikan insentif kepada individu menjalani pemeriksaan kesihatan dan pencegahan penyakit, dapat mengurangkan kos rawatan lebih tinggi pada masa depan.

Usaha ini menjadikan sistem insurans kesihatan di Korea Selatan lebih inklusif, mengimbangi antara perlindungan kesihatan komprehensif dan kemampuan kewangan.

Pada masa sama, kos rawatan berpatutan untuk pesakit kritikal di Korea Selatan turut memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

Sementara itu, sistem insurans kesihatan Jerman pula dikenali dengan prinsip solidariti sosial. Di Jerman, setiap rakyat, tanpa mengira status kewangan, dilindungi insurans kesihatan sama ada dikelolakan kerajaan atau swasta.

Struktur bayaran insurans di Jerman berdasarkan pendapatan individu. Golongan berpendapatan rendah membayar premium lebih rendah, sementara golongan berpendapatan tinggi menyumbang lebih banyak.

Prinsip ini memastikan semua lapisan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan berkualiti, mengurangkan ketidaksamaan dalam akses kepada



“Malaysia boleh mencipta sistem insurans kesihatan lebih mampan, efisien dan berfokus kepada keperluan rakyat”

rawatan perubatan.

Di samping itu, sistem insurans kesihatan Jerman beroperasi berdasarkan prinsip desentralisasi yang mana kuasa dan tanggungjawab pengurusan dana kesihatan dan penetapan harga perkhidmatan insurans tidak tertumpu kepada kerajaan pusat sahaja.

Sebaliknya, ia diagihkan kepada pelbagai pihak seperti majikan, kesatuan sekerja dan penyedia perkhidmatan kesihatan. Desentralisasi ini membolehkan setiap pihak berkepentingan memainkan peranan pembuatan keputusan, sekali gus menjadikan sistem ini lebih telus dan bertanggungjawab.

Malaysia berada di persimpangan jalan dalam usaha mereformasi sistem insurans kesihatan semakin mendesak. Bagi memastikan masa depan lebih adil dan mampan, Malaysia perlu mengambil langkah berani bukan sekadar memperbaiki, tetapi merombak sepenuhnya pendekatan sedia ada.

Ini adalah masa untuk berfikir di luar kotak dan menerapkan model radikal serta komprehensif berdasarkan pengalaman negara maju seperti Jerman dan Korea Selatan.

Bayar premium ikut pendapatan

Antara kaedah itu ialah:

• Memperkenalkan insurans kesihatan berasaskan pendapatan

Dalam sistem ini, golongan berpendapatan tinggi harus menyumbang secara progresif, dengan kadar jauh lebih tinggi daripada apa diamalkan sekarang. Sebagai contoh, golongan kaya boleh dikenakan sumbangan insurans hingga 15 peratus, manakala golongan berpendapatan rendah menyumbang minimum dua hingga tiga peratus.

Langkah ini akan memastikan golongan kaya menanggung beban lebih besar, seterusnya menjadikan sistem ini lebih mampan dan tidak membebankan rakyat marhaen.

• Memperkenalkan subsidi kesihatan golongan miskin
Kerajaan harus memperkenalkan subsidi lebih meluas dan berstruktur untuk rawatan penyakit kritikal, pembedahan besar dan penjagaan kesihatan preventif.

Ini termasuk subsidi pemeriksaan kesihatan tahunan untuk semua warganegara dan rawatan penyakit kronik boleh mencegah beban kewangan pada masa depan.

Subsidi ini perlu ditingkatkan untuk merangkumi perawatan jangka panjang seperti penjagaan paliatif dan rawatan untuk golongan warga emas semakin meningkat.

• Memperkenalkan mekanisme kawalan harga ubat dan rawatan hospital lebih ketat

Ini termasuk mengenakan garis panduan ketat terhadap harga rawatan di hospital swasta, memaksa mereka untuk tidak mengeksploitasi golongan miskin atau pertengahan dengan harga tidak munasabah.

Pelaksanaan harga adil harus menjadi keutamaan bagi memastikan akses kepada penjagaan kesihatan tidak terbatas kewangan.

• Memperkenalkan cukai kesihatan lebih meluas

Cukai tembakau dan minuman bergula boleh menjadi langkah pertama, tetapi Malaysia harus lebih kreatif dengan memperkenalkan cukai terhadap produk memberi kesan langsung kepada kesihatan rakyat, seperti makanan tidak sihat, alkohol dan produk lain meningkatkan kos rawatan kesihatan.

Hasil daripada cukai ini boleh digunakan secara langsung untuk meningkatkan dana kesihatan negara, menyediakan subsidi untuk golongan miskin dan menampung kos rawatan penyakit kritikal semakin meningkat.

• Mewajibkan sistem insurans kesihatan nasional
Seperti dilaksanakan di Jerman, di mana setiap individu, tanpa mengira status ekonomi, harus terdaftar dalam satu sistem memberikan akses kepada penjagaan kesihatan asas berkualiti.

Sistem ini harus mengutamakan penjagaan kesihatan pencegahan, bukan hanya rawatan penyakit, dengan matlamat mengurangkan kos jangka panjang kerajaan dan rakyat.

Walaupun cadangan ini kelihatan berani dan radikal, ia satu-satunya cara memastikan masa depan sistem kesihatan adil dan mampan di Malaysia.

Tentu terdapat cabaran besar dalam melaksanakan ini, termasuk halangan politik, ketidakseimbangan ekonomi dan kebimbangan rakyat terhadap cukai tambahan.

Namun, melalui komunikasi lebih berkesan, pendidikan awam meluas mengenai manfaat jangka panjang sistem insurans kesihatan serta tekad politik untuk melaksanakan reformasi ini, Malaysia dapat membuka jalan kepada sistem kesihatan inklusif dan berdaya tahan.

Dengan melaksanakan insurans berasaskan pendapatan progresif, pengawasan lebih ketat terhadap sektor swasta serta memperkenalkan cukai kesihatan inovatif, Malaysia boleh mencipta sistem insurans kesihatan lebih mampan, efisien dan berfokus kepada keperluan rakyat.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

BH Selasa, 7 Januari 2025

MindaPembaca

13

BERITA HARIAN MIS 13 MINDA PEMBACA 7/1/2025 (SELASA)

Premis bebas rokok beri individu hak nikmati hidup lebih sihat

NV Subbarow,
Pegawai Pendidikan
Kanan dan Aktivis
Anti Rokok Persatuan
Pengguna Pulau
Pinang (CAP)

Mengikut Akta Kawalan Produk Merokok Kesihatan Awam 2024, semua bangunan premis tempat kerja dikategorikan sebagai antara kawasan larangan merokok.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berjaya

memperluaskan kawasan larangan merokok di bangunan tempat kerja.

Tindakan kerajaan memperkenalkan larangan ini adalah satu inisiatif sangat progresif kerana melindungi kepentingan majoriti rakyat daripada ancaman asap rokok berbahaya.

Asap rokok adalah salah satu bahan pencemar udara paling berbahaya dan boleh mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan. Kajian menunjukkan pendedahan kepada asap rokok boleh menyebabkan pelbagai penyakit serius seperti kanser paru-paru, jantung dan asma.

Oleh itu, hak bukan perokok untuk menikmati persekitaran bebas daripada bahan berbahaya ini harus dihormati. Pekerja dan pelanggan memsuki tempat kerja selalunya tiada pilihan, selain menghirup udara tercemar jika larangan merokok tidak dikuatkuasakan.

Sehubungan itu, larangan merokok bukan sekadar langkah kesihatan awam, malah usaha memberi kebebasan kepada setiap individu menikmati persekitaran bebas daripada ancaman kesihatan.



Pelaksanaan larangan merokok di tempat kerja bukan sahaja melindungi kesihatan pekerja daripada risiko penyakit akibat terdedah kepada asap rokok, malah meningkatkan produktiviti pekerja.

Selepas larangan ke atas premis makanan dikuatkuasakan, pelanggan boleh menikmati kualiti udara lebih baik dan pengalaman menjamu selera lebih selesa.

Tingkat kesedaran bahaya merokok

Selain itu, larangan itu juga meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesan bahaya merokok, sekali gus menggalakkan lebih ramai individu berhenti merokok.

Dari sudut pandangan CAP, larangan merokok di tempat kerja, sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta adalah langkah progresif perlu disokong sepenuhnya.

Ia memastikan hak pengguna menikmati persekitaran bebas daripada pencemaran asap rokok, melindungi kesihatan pekerja dan pelanggan serta mencerminkan tanggungjawab sosial majikan.

Dengan penguatkuasaan undang-undang lebih tegas dan sokongan daripada semua pihak, larangan ini boleh menjadi titik perubahan utama meningkatkan kualiti hidup rakyat.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LIFE & TIMES

NST M13 LIFE & TIMES 7/1/2025 (SELASA)

A leap forward in women's health

Robotic surgery is transforming the landscape of endometrial cancer treatment

ENDOMETRIAL cancer, which begins in the lining of the uterus, is one of the most common gynaecological cancers in Malaysia and globally.

Traditionally, surgical treatment for this cancer involved open surgery, requiring large incisions and a longer recovery period for patients. However, the advent of robotic surgery is now offering a less invasive alternative for women facing this condition.

Robotic surgery is cutting-edge technology that is changing the surgical landscape in many areas of medicine. It enables minimally invasive surgeries and is transforming the landscape of endometrial cancer treatment.

The system consists of a high-definition 3D vision camera, robotic arms with enhanced precision, and specialised instruments that are controlled by surgeons from a console. This allows for greater accuracy, smaller incisions and, ultimately, better patient outcomes.

IMPROVED PRECISION AND FASTER RECOVERY

With the robotic system, surgeons are able to perform delicate procedures with greater accuracy than ever before. The robotic arms can make smaller, more precise incisions, reducing the risk of complications and infection.


For patients, this means less pain, less scarring and, crucially, a faster recovery time.

Gleneagles Hospital Johor gynaecologic consultant Dr Ahmad Shuib Yahaya, who has treated endometrial cancer patients, says the benefits are clear.

"Robotic-assisted surgery allows us to achieve precision. The smaller incisions reduce trauma to the body, leading to less blood loss, fewer complications and a significantly faster recovery time."

Patients can often return to their daily activities within weeks instead of months, adds Dr Shuib.

In addition to the physical benefits, the system also enhances the surgeon's ability to perform complex procedures with enhanced visualisation and dexterity. Surgeons can manipulate instruments with greater ease and view the surgical site in 3D, allowing them to navigate intricate



With the robotic system, surgeons are able to perform delicate procedures with greater accuracy than ever before. PIX COURTESY OF GLENEAGLES HOSPITAL JOHOR



For patients, robotic surgery means less pain, less scarring and, crucially, a faster recovery time, says Gleneagles Hospital Johor gynaecologic consultant Dr Ahmad Shuib Yahaya.

areas with greater skill and confidence.

ACCESS TO CUTTING-EDGE TECHNOLOGY

While robotic surgery has become commonplace in many developed nations, the availability of the technology in Malaysia represents a significant step forward for the country's healthcare sector.

Several private hospitals and major medical centres in Kuala Lumpur, Penang, Johor Baru and other key cities have already incorporated this technology into their cancer treatment protocols.

The technology is part of a broader effort to improve access to world-class medical care for Malaysians.

EMPOWERING PATIENTS WITH BETTER OPTIONS

Endometrial cancer is often diagnosed in its early stages, and treatment usually involves surgery to remove the uterus, ovaries and surrounding tissues. With robotic surgery, patients can undergo this procedure with less physical stress and a significantly lower risk of long-term complications.

"For many women, this means they can resume their lives much sooner, without compromising the quality of their treatment," says Dr Shuib.

LOOKING AHEAD

As the demand for advanced cancer treatment grows, Malaysia is poised to become a regional leader in robotic surgery. The integration of technologies like robotic surgery not only enhances treatment options for patients, but also helps position Malaysia as a hub for cutting-edge medical procedures in Southeast Asia.

In addition to endometrial cancer, robotic surgery is also being used to treat a variety of other gynaecological conditions, including endometriosis, fibroids, adenomyosis and genital prolapse. Its ability to transform complex procedures into minimally invasive surgeries is set to reshape the future of cancer care in Malaysia.

As more hospitals and medical professionals adopt this technology, patients across Malaysia can look forward to a future where high-quality, minimally invasive cancer treatments are not just available, but also increasingly accessible to all.

For more information about robotic-assisted surgery for endometrial cancer, patients are encouraged to consult with their healthcare providers.

meera@nst.com.my

KKLIJ 3532/EXP 31.12.2026

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : BUSINESS

RISING HMPV CASES

NST MIS & BUSINESS 7/1/2025 (SELASA)

HEALTHCARE STOCKS RALLY

Despite market enthusiasm, analysts say the development is unlikely to significantly benefit Malaysian glove makers

AZANIS SHAHILA AMAN
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

HEALTHCARE stocks on Bursa Malaysia gained yesterday following a surge of human metapneumovirus (HMPV) cases in China. Bursa's healthcare index, which is made up of glove, hospital and healthcare product stocks, was up 1.5 per cent at midday even as most other indices were down.

Adventa Bhd rose almost five per cent, while Careplus Group Bhd and Top Glove Corp Bhd both gained more than three per cent at midday break.

The healthcare index subsequently ended the day with a 1.26 per cent gain, or 29.80 points, to 2,391.83.

At the close, Adventa was higher at 32 sen, Careplus increased to 27 sen while Top Glove rose to RM1.36.

Despite market enthusiasm, analysts believe the development

is unlikely to significantly benefit Malaysian glove manufacturers.

This is given the seasonal nature of the virus and China's sufficient domestic production capacity.

Tradeview Capital fund manager Neoh Jia Man believes the respiratory disease in China is a seasonal occurrence during winter.

He said the firm did not observe any consistent historical seasonal trend in the price movements of Malaysian glove counters.

"This could be due to investors being less sensitive to such outbreaks before the Covid-19 pandemic and the persistence of social distancing norms in China. In our view, the excitement surrounding glove counters due to HMPV cases is likely to be short-lived," he told 'Business Times'.

MIDF Research has a "neutral" call on the glove sector, citing China's health ministry comments that the rising cases is an annual occurrence during winter and that it is safe

to travel to China.

"Premised on this, we view that the seasonal influenza cases would not lead to a surge in glove demand inside and outside of China," it said in its note.

MIDF Research also said HPMV is not expected to lead to a surge in demand for gloves in China and globally.

The firm does not think that Malaysian glove manufacturers would benefit from any potential outbreak.

China's glove players should have ample capacity to cater for the surge, as its export of gloves to the United States would be severely impacted following higher tariffs from this year, it said.

The US raised tariff on China-made medical gloves from 7.5 per cent in 2024 to 50 per cent in 2025 and 100 per cent in 2026.

"That said, should HPMV or other virus lead to a pandemic, we believe that the supply-demand dynamics

would turn favourably towards our domestic glove players," it added.

HPMV was reportedly discovered in 2001. It comes with symptoms such as cough, fever, stuffy or runny

nose, sore throat, wheezing, shortness of breath and rashes.

Last year, 327 HMPV cases were reported in Malaysia, a 45 per cent increase from 225 cases in 2023.

NSTP
FILE PIC



The 26th Ice Festival in Harbin, China. Chinese authorities say the surge in human metapneumovirus cases is an annual occurrence during winter and that it is safe to travel to China, according to MIDF Research. AFP PIC